

**WIFE'S MAINTENANCE IN MARRIAGE: REVIEWS OF THE OPINIONS  
OF THE PREVIOUS JURISTS**

**NAFKAH ISTERI DALAM PERKAHWINAN: SOROTAN PANDANGAN  
FUQAHA TERDAHULU**

Nurhidayah Muhammad Hashim<sup>i</sup> & Zuliza Mohd Kusrin<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM).  
puan.hidayah2@gmail.com

<sup>ii</sup> (*Corresponding author*). Profesor Madya, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti  
Kebangsaan Malaysia (UKM). zuli@ukm.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>Receiving maintenance is part of the wife's rights that must be fulfilled by the husband. The discourse regarding maintenance from the conceptual aspect, the items included in maintenance as well as the circumstances that allow the wife to make a claim when the husband fails to fulfill his obligations have been discussed by previous jurists in detail. Therefore, this study analyzes the literature from the perspective of previous jurists relating the area of maintenance of a wife in marriage. The research methodology applied is document and thematic analysis. Findings show that the majority of the jurists agree that the main items of maintenance are food, drink, clothing, shelter and medicine. Some scholars also opine that personal hygiene equipment and the provision of housekeepers as part of the maintenance items for husbands who can afford it. In the case of failure or neglect of this obligation, the jurists state that Islam allows the wife to apply for dissolution of the marriage through a fasakh claim, based on the period of neglect or failure to provide maintenance required by the wife.</i></p> <p>Keywords: <i>Maintenance, Wife, Rights, Failure, Marriage.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Penerimaan nafkah merupakan sebahagian daripada hak isteri yang perlu dipenuhi oleh suami. Perbincangan berkenaan urusan nafkah isteri dari aspek konsep, item yang termasuk dalam nafkah serta keadaan yang membolehkan isteri membuat tuntutan apabila suami gagal menyempurnakan tanggungjawab nafkah telah dibincangkan oleh fuqaha terdahulu dengan terperinci. Justeru kajian ini menganalisis sorotan literatur dari sudut pandangan fuqaha berkaitan nafkah isteri dalam perkahwinan. Metodologi kajian yang digunapakai adalah analisis dokumen dan tematik. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti fuqaha menyatakan item utama nafkah adalah makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan perubatan. Sebahagian fuqaha pula meletakkan kelengkapan kebersihan diri dan penyediaan pembantu rumah termasuk dalam item nafkah bagi suami yang berkemampuan. Dalam kes kegagalan menyempurnakan tanggungjawab atau pengabaian nafkah, para fuqaha turut membahaskan bahawa Islam membenarkan isteri memohon perceraian atau membubarkan perkahwinan berdasarkan jangka masa pengabaian atau kegagalan pemberian nafkah yang diperlukan oleh isteri.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Nafkah, Isteri, Hak, Pengabaian, Perkahwinan.</i></p>

## PENDAHULUAN

Perkahwinan merupakan satu ikatan yang sangat murni di antara seorang lelaki dan perempuan untuk hidup bersama di dalam sebuah rumah tangga. Ia mengharuskan hubungan dan pergaulan yang halal di samping memperolehi zuriat keturunan serta saling memberi dan menerima hak di antara isteri dan suami. Hak isteri merupakan tanggungjawab suami untuk melunaskannya, manakala hak suami pula merupakan tanggungjawab isteri untuk menyempurnakannya. Antara tanggungjawab suami ke atas isteri adalah menyempurnakan nafkah yang sewajarnya bagi memenuhi keperluan isteri sepanjang perkahwinan berlangsung.

Jumhur fuqaha berpandangan bahawa tanggungjawab untuk memberi nafkah berada di bahu suami. Ini berdasarkan kedudukan suami sebagai ketua keluarga dan wajib menjaga kebajikan isterinya. Pendapat ini boleh dilihat di dalam banyak kitab ilmuwan terdahulu daripada pelbagai mazhab termasuklah *Hashiyah al-Dusuqi*, *Bidayah al-Mujtahid*, *al-Mughni*, *Mukhtasar al-Muzani* dan *Hashiyah Radd al-Mukhtar*. Dalam memperkukuhkan pendapat mereka, para fuqaha telah bersandarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud; “*Dan bapa bertanggungjawab memberi nafkah dengan cara yang sepatutnya.*” (al-Quran. al-Baqarah: 233). Ayat ini secara jelas menyatakan bahawa beban tanggungjawab ini diberikan secara khusus ke atas suami, yang telah menerima seorang isteri melalui akad nikah yang disetujui.

## KONSEP NAFKAH

Perkataan nafkah berasal dari bahasa Arab dan kemudian diterima pakai dalam bahasa Melayu. Dari sudut bahasa, ia bermaksud sesuatu yang dibelanjakan daripada mata wang bagi melengkapkan kehidupan seharian (Muhammad Rawas Qala'ah & Hamid Sadiq Qanayli, 1985) Para fuqaha memberikan pelbagai definisi kepada terma nafkah dan ada juga yang melebarkan lagi definisi umum tersebut. Menurut Ibn Qudamah (1989), nafkah adalah sesuatu yang dibelanjakan oleh suami untuk melengkapkan apa sahaja yang menjadi keperluan asas kehidupan isteri untuk hidup seperti makanan, minuman, pakaian dan juga tempat tinggal. Di samping kesemua perkara di atas, Sayyid Sabiq (1988) pula meluaskan dengan menyatakan bahawa, “Nafkah termasuklah semua pemberian suami untuk memenuhi keperluan isterinya seperti makanan, minuman dan juga ubat-ubatan untuk kegunaan isteri walaupun isterinya adalah seorang yang kaya”.

Pengertian nafkah dihuraikan dengan lebih luas dan sangat terperinci dalam kalangan fuqaha mazhab Syafie. Ini dapat dilihat dalam kupasan Imam al-Sharbini (t.t.) dalam kitab *Mughni al-Muhtaj* berkenaan pendirian Imam Nawawi yang bukan sahaja menyatakan terma makan, minum, pakaian dan tempat tinggal secara umum, bahkan memberi maksud terperinci kepada apakah yang dikatakan makanan, apakah yang dimaksudkan tempat tinggal dan sebagainya.

Nafkah yang wajib diberikan oleh suami kepada isterinya menurut Imam Nawawi adalah:

1. Menyediakan pakaian untuk isteri bermaksud menyediakan pakaian yang munasabah dan diperlukan untuk menutup badan dan aurat isteri seperti jubah, jilbab atau tudung serta selipar untuk dipakai. Begitu juga menyediakan pakaian yang diperlukan oleh isteri mengikut perubahan cuaca seperti baju untuk dipakai semasa musim panas dan baju yang bersesuaian untuk dipakai semasa musim sejuk sama ada daripada kain kapas atau sutera.
2. Menyediakan tempat tinggal untuk isteri bukan sahaja dalam pengertian umum iaitu rumah sahaja, tetapi termasuk juga kelengkapan dalamannya untuk duduk seperti hamparan, katil untuk tidur, bantal, dan selimut ketika sejuk.
3. Maksud menyediakan makanan untuk isteri juga bukan bermaksud umum iaitu menyediakan bahan mentah seperti ikan dan ayam semata, bahkan juga apa-apa keperluan untuk menjadikan makanan mentah dapat dimasak dan dimakan. Ia termasuklah perkakas untuk memasak seperti periuk, kualiti, cerek, besin dan juga perkakas untuk makan minum seperti pinggan, gelas dan lain-lain.

4. Pemberian nafkah juga termasuklah menyediakan ubat-ubatan sekiranya isteri sakit dan sekiranya isteri memerlukan rawatan lanjut, maka ia juga termasuk perbelanjaan membawa isteri berjumpa doktor biasa atau doktor pakar untuk mendapatkan rawatan yang diperlukan.
5. Termasuk dalam definisi nafkah juga adalah menyediakan keperluan isteri dalam menjaga kebersihan dirinya seperti pembersih rambut, sikat, bedak dan sabun. Ia juga termasuk menyediakan barang-barang kegunaan khusus wanita termasuk alatan mandian selepas jimak atau nifas, tetapi tidak untuk haid.
6. Imam Nawawi bahkan menambah bahawa termasuk dalam pengertian nafkah bagi suami menyediakan pembantu rumah atau orang gaji untuk isteri sekiranya suami berkahwin dengan isteri yang berasal dari golongan bangsawan atau keluarga kaya yang tidak biasa melakukan kerja-kerja rumah tangga yang berat.

Pandangan ini merupakan satu pendekatan yang cukup terperinci dan sangat menjaga kebajikan kaum wanita. Imam Nawawi sebenarnya memberi pengertian yang sangat lengkap untuk dipegang oleh suami tentang betapa berat tanggungjawab seseorang suami ke atas isterinya. Ia juga secara tak langsung menunjukkan bahawa *status quo* atau cara hidup isteri sebelum berkahwin adalah termasuk perkara penting yang perlu dipertimbangkan oleh seseorang lelaki sebelum bersetuju untuk mengahwini mana-mana wanita. Ini kerana ia boleh memberi kesan kepada kedudukan nafkah yang wajib diberikan oleh suaminya.

#### **KUASA HAKIM APABILA SUAMI GAGAL MENUNAIKAN NAFKAH**

Sebelum membincangkan mengenai keharusan untuk isteri mengambil tindakan apabila suaminya gagal memberinya nafkah, wajar ditelusuri apakah bentuk perpisahan yang disentuh oleh fuqaha berkenaan isu ini. Dari segi teori, fuqaha berpendapat bahawa fasakh terbahagi kepada dua. Pertama, pembubaran yang berlaku serta-merta tanpa memerlukan campur tangan hakim. Ini berlaku dalam kes yang jelas faktornya seperti perkahwinan dengan saudara susuan, perkahwinan sesama adik-beradik atau salah seorang daripada pasangan menjadi murtad. Sebagai contoh, Ibn 'Abidin (t.t) menyebut bahawa sekiranya salah seorang pasangan murtad sedangkan seorang lagi adalah Muslim maka pernikahan mereka adalah terubuh secara serta-merta. Ia tidak mengurangkan bilangan talak dan tidak memerlukan campur tangan hakim untuk membuat keputusan terhadap perkara tersebut.

Kedua, pembubaran yang tidak berlaku secara automatik tetapi memerlukan campur tangan pihak hakim. Ini berlaku dalam kes yang boleh dipertikaikan oleh pihak yang didakwa terlibat. Contohnya isteri mendakwa suaminya tidak memberinya nafkah, si isteri perlu membuktikan dakwaan tersebut dan pihak suami diberi peluang mempertikaikan atau menerima dakwaan tersebut. Atas dasar itu, ia perlu dibawa ke hadapan hakim untuk menyelesaikan pertelingkahan ini. Pendapat ini disetujui oleh Imam al-Sharbini (t.t) dari mazhab Syafie, al-Dusuqi (t.t) dari mazhab Maliki dan Ibn Qudamah (1989) dari mazhab Hanbali.

Walaupun hampir kesemua fuqaha mengatakan bahawa pertikaian ini perlu diputuskan oleh hakim, namun mereka berbeza pendapat tentang kesan pemisahan yang diputuskan oleh hakim. Apakah ia bersifat *talaq bain* dan tidak mempunyai peluang rujuk atau ia adalah *talaq raj'ie* dan ia boleh dirujuk. Mazhab Hanbali dan Syafie, berpandangan perceraian yang diputuskan oleh hakim atas alasan nafkah ialah fasakh dan tidak boleh dirujuk. Jika selepas dipisahkan, suami dapat membuktikan bahawa dia sudah berkemampuan dan dapat memberikan nafkah selayaknya, mereka tidak boleh rujuk kembali tetapi hendaklah berkahwin semula dengan persetujuan isteri dengan akad yang baru (Ibn Qudamah, t.t; al-Sharbini, t.t). Namun begitu, bagi mazhab Maliki, ia diterima sebagai talak *raj'ie* dan boleh dirujuk semasa dalam idah. Oleh itu sekiranya selepas isteri dipisahkan dan kemudian suami berjaya menyediakan nafkah maka beliau boleh rujuk kembali kepada isterinya semasa dalam idah tanpa memerlukan akad yang baru (al-Dusuqi, t.t).

### **ISTERI MEMBAWA KES KE MAHKAMAH ATAS ALASAN NAFKAH**

Apabila seseorang isteri tidak menerima nafkah daripada suaminya, apakah isteri boleh mengambil tindakan membawa kes ke hadapan hakim atau dia seharusnya berdiam dan bersabar sahaja? Terdapat dua pendapat dalam kalangan para fuqaha berkenaan perkara ini. Pendapat pertama membenarkan isteri mengambil tindakan untuk menamatkan perkahwinan dengan beberapa prasyarat. Pendapat ini dipegang oleh mazhab Syafie, Hanbali dan Maliki. Manakala pendapat kedua pula tidak membenarkan isteri mengambil tindakan untuk menamatkan perkahwinan mereka yang mana dipegang oleh mazhab Hanafi dan Zahiri.

#### **Pendapat Yang Membenarkan Isteri Mengambil Tindakan Menamatkan Perkahwinan**

Secara asasnya, menurut Imam al-Sharbini (t.t) dan Imam al-Shirazi (t.t) daripada mazhab Syafie, sekiranya suami tidak memberi nafkah kerana tidak mampu sedangkan isteri masih bersabar dan tetap tinggal bersama suami, maka semua jumlah nafkah yang tidak dijelaskan akan dikira hutang yang mesti dilangsaikan oleh suami di kemudian hari apabila dia berkemampuan. Tetapi apabila si isteri sudah tidak lagi ingin bersabar, maka dia mempunyai hak untuk menamatkan perkahwinan dan mendapat fasakh daripada hakim.

Bagaimana pula jika isteri sudah tahu sebelum berkahwin tentang kedudukan kewangan suami, bahawa suaminya adalah seorang yang fakir atau miskin dan tidak akan mampu memberikan nafkah kepadanya. Imam Nawawi yang dilihat sangat menjaga kebajikan wanita menyatakan bahawa seseorang suami tidak boleh membantah permohonan fasakh yang dibuat oleh isteri dengan alasan isterinya telah reda dan telah bersedia untuk mengharungi hidup susah semasa berkahwin dengannya. Ini kerana isteri tidak mempunyai sebarang tanggungan untuk terus bertahan menanggung kesusahan tanpa diberikan nafkah. Bahkan kesusahan yang dihadapi oleh isteri kerana tiada nafkah yang diberikan oleh suaminya adalah bertimpa-timpa dan semakin banyak hari demi hari dan keredaannya terhadap kefakiran suaminya walaupun telah diketahui sebelum akad tidak boleh dianggap kesediaannya untuk hidup menderita tanpa nafkah selama-lamanya. Isteri mempunyai hak untuk bertahan setakat mana yang dia inginkan. Jika isteri sudah tidak boleh bertahan, maka dia mempunyai hak pula untuk mengambil tindakan. Justeru, hak isteri menuntut fasakh tetap ada sama ada isteri telah mengetahui sebelum perkahwinan tentang kefakiran suaminya ataupun tidak (al-Sharbini, t.t).

Ini menunjukkan bahawa jika pada awal perkahwinan isteri memang bersedia untuk hidup bersama dan menghadapi kesukaran tanpa nafkah kerana sedia maklum bahawa suaminya adalah seorang yang fakir atau miskin, tetapi kemudiannya mengubah pendiriannya maka dia tetap berhak untuk menuntut fasakh dan suami tidak boleh menghalangnya daripada mengambil tindakan.

Namun begitu, mazhab Syafie membezakan keadaan bagi suami yang berkemampuan. Jika si suami berkemampuan dan mempunyai harta tetapi tidak bertanggungjawab atau enggan memberi nafkah, isteri tetap mempunyai hak untuk membuat tuntutan fasakh, akan tetapi hakim tidak wajar meluluskan fasakh sehingga mengeluarkan perintah mendapatkan harta suami untuk dijadikan bayaran nafkah isteri (al-Sharbini, t.th). Justeru, jika suami berada bersama isteri dan mempunyai kemampuan kewangan atau mempunyai harta yang berada dalam jarak yang dekat, hakim perlu menggunakan autoritinya untuk memerintahkan supaya nafkah diambil daripada harta yang ada. Tetapi jika harta tersebut berada jauh melebihi dari dua marhalah (sekitar 88 km) iaitu jarak yang dibenarkan solat jamak dan qasar dan merumitkan isteri untuk mendapatkannya, barulah hakim boleh meluluskan permohonan fasakh tersebut.

Namun begitu, prasyarat yang agak ketat diambil kira oleh fuqaha mazhab Syafie di mana mereka berpendapat hakim tidak boleh meluluskan fasakh jika suami telah memberikan nafkah asasi tetapi tidak menyediakan kemudahan yang bersifat tambahan sebagai pelengkap atau kemewahan kepada kehidupan isterinya. Hakim hanya boleh

meluluskan fasakh jika suami tidak menyediakan keperluan yang menjadi keperluan asasi kepada isteri (al-Sharbini, t.t)

Menurut Ibn Qudamah (t.t) daripada mazhab Hanbali pula, sekiranya seorang suami gagal memberi nafkah atas alasan fakir atau miskin, maka terserahlah kepada isteri sama ada hendak bersabar dengan ujian tersebut ataupun memilih fasakh. Tetapi jika suami tidak memberi nafkah sedangkan suami seorang yang kaya dan berkemampuan, maka isteri berhak mengambil sedikit harta tersebut walaupun tanpa izin suaminya. Jika keadaan ini berlaku dan isteri masih boleh menanggung dirinya menggunakan harta tersebut, maka pernikahan mereka tidak boleh dibubarkan. Ibn Qudamah juga berpendapat bahawa hak isteri membawa kes kepada hakim tidak terusik sama ada isteri telah mengetahui kefakiran suaminya sebelum akad ataupun selepas akad. Bahkan hak tersebut tetap kekal walaupun isteri telah atau pernah menyatakan keredaannya untuk sama-sama menanggung kesusahan atas kefakiran si suami pada peringkat awal perkahwinannya.

Pandangan di atas boleh dianggap satu pandangan yang amat baik demi menjaga kebajikan wanita. Ini kerana terdapat isteri yang tidak mengambil berat tentang urusan nafkah pada awal perkahwinan, mungkin diselubungi rasa sayang sehingga sanggup hidup susah bersama tanpa nafkah tetapi selepas menghadapi tekanan untuk menyelesaikan urusan hidup yang semakin mendesak hari demi hari, isteri tersebut mungkin tidak mampu lagi untuk bertahan dan ingin mendapatkan perceraian. Oleh itu pandangan yang tetap membenarkan isteri menuntut fasakh adalah wajar dan munasabah demi kebajikan kaum wanita.

Menurut mazhab Maliki pula, walaupun mereka membenarkan isteri menuntut perceraian tetapi ia tertakluk kepada syarat yang sangat ketat. Menurut al-Dusuqi (t.t) dan Ibn Rushd (t.t), sekiranya isteri telah mengetahui kefakiran suaminya sebelum akad atau semasa akad dan telah menyatakan keredaannya untuk hidup bersama walaupun tanpa pemberian nafkah, maka hak isteri untuk menuntut fasakh dianggap terbatal. Ini kerana si isteri dianggap telah faham kesan yang bakal berlaku tetapi menyatakan keredaan untuk hidup bersama. Pengetahuan isteri sebelum akad atau semasa akad dan juga keredaannya terhadap kefakiran suaminya merupakan alasan besar bagi hakim untuk tidak meluluskan fasakh. Oleh itu, mazhab Maliki lebih menekankan supaya kaum wanita lebih bertanggungjawab sebelum bersetuju untuk berkahwin.

Mereka yang menerima keharusan perceraian atas alasan nafkah juga menggunakan *qiyas* antara alasan keaiban dan juga nafkah. Menurut Ibn Qudamah (t.t), dan disokong juga oleh fuqaha mazhab Syafie, isteri dibenarkan menuntut fasakh atas alasan suami mempunyai keaiban kepada alat kelamin kerana aib tersebut menyebabkan terhalang daripada berlakunya persetubuhan dan ia menyebabkan penderitaan kepada si isteri. Atas dasar perbandingan, isteri yang tidak diberi nafkah zahir untuk mendapatkan keperluan asasi seperti makanan dan tempat tinggal akan menanggung penderitaan yang lebih besar berbanding dengan tidak mendapat nafkah batin (al-Shirazi (t.t) dan al-Sharbini (t.t). Berdasarkan kepada *qiyas* tersebut, sekiranya keaiban suami diterima sebagai alasan fasakh dan isteri yang menderita dibantu untuk keluar daripada darar dengan diluluskan fasakh, tiada alasan untuk hakim tidak boleh membubarkan perkahwinan kerana pengabaian nafkah oleh pihak suami.

Para fuqaha juga bersandarkan kepada kaedah fiqh “kemudaratkan hendaklah dihilangkan” sebagai dasar membenarkan pernikahan dibubarkan demi menjaga kebajikan kaum wanita yang teraniaya. Menurut al-Zarqa’ (1998), sekiranya berlaku sesuatu keadaan yang boleh menyebabkan wujud kemudaratkan atau kesusahan kepada seseorang, maka perkara tersebut hendaklah membuat pengaduan ke muka pengadilan dan kemudian dengan perintah hakim barulah pihak yang menanggung mudarat itu boleh dipisahkan. Ia disokong oleh Syeikh Ali Hasbullah (1968) yang menyatakan apabila isteri membuat pengaduan kepada hakim tentang tindakan suaminya yang membawa *darar* ke atasnya, maka Allah SWT memberi hak ke atas hakim untuk mengangkat *darar* tersebut dengan memerintahkan supaya pasangan itu dipisahkan. Kuasa hakim untuk memisahkan pasangan ini terbina atas konsep *wilayah ‘am* seseorang hakim.

Melalui perbincangan di atas, kesimpulannya, fuqaha daripada beberapa mazhab yang membenarkan permohonan fasakh isteri atas alasan kegagalan menerima nafkah daripada suami atas alasan tidak mampu kerana fakir atau miskin sahaja. Namun begitu mereka kurang terbuka apabila merujuk kepada kegagalan memberi nafkah bagi suami yang berharta dan yang berkemampuan dan para fuqaha lebih cenderung kepada mencadangkan hakim memerintahkan harta atau wang suami diambil dan diberikan kepada isteri atau memerintahkan isteri untuk mengambil sebahagian harta suami bagi membiayai dan memenuhi keperluan hidupnya. Namun tidak memberi ruang yang luas untuk memutuskan perkahwinan tersebut.

### **Pendapat Yang Tidak Membenarkan Isteri Mengambil Tindakan Menamatkan Perkahwinan**

Mazhab Hanafi secara umumnya tidak membenarkan isteri mengambil tindakan untuk membubarkan perkahwinan atas alasan tidak mendapat nafkah daripada suaminya. Al-Marghinani (t.t) dari mazhab Hanafi menyebut bahawa suami yang tidak memberi nafkah kepada isterinya adalah satu kezaliman tetapi memisahkan pasangan tersebut tidak akan menyelesaikan masalah yang dihadapi. Sekiranya isteri mengadu kepada hakim maka dengan menggunakan kuasa mahkamah, hakim hendaklah menyelesaikan masalah yang timbul sehingga si suami dapat dipastikan menyempurnakan tanggungjawab tersebut. Pendapat ini turut disokong dan dihuraikan dengan lebih terperinci oleh Ibn Hummam (t.t) di dalam kitabnya *Sharh Fath al-Qadir*.

Mereka juga membezakan kegagalan memberi nafkah kepada dua keadaan. Pertama, suami tidak memberi nafkah kerana enggan sedangkan beliau seorang yang kaya dan mempunyai harta. Kedua, suami tidak memberi nafkah kerana beliau seorang yang fakir dan tidak berkemampuan.

Dalam situasi pertama, hakim hendaklah memerintahkan agar harta suami dijual walaupun tanpa keizinannya dan hasilnya diserahkan kepada isteri sebagai bayaran nafkahnya. Hakim juga boleh menghukum suami dengan hukuman penjara jika dia berdegil sehingga dia berjanji akan menyelesaikan urusan nafkah kepada isterinya. Dalam situasi kedua, hakim hendaklah memberi kebenaran kepada isteri untuk berhutang dengan orang lain menggunakan nama suaminya. Apabila suami telah berkemampuan kelak, dia wajib membayar hutang tersebut. Jika suami tetap berada dalam kemiskinan dan tidak mampu membayarnya maka hakim hendaklah mengeluarkan perintah penangguhan sehingga suami berkemampuan. Sekiranya selepas perintah pinjaman dibuat tetapi isteri gagal mendapatkan sebarang pinjaman daripada mana-mana pihak, maka hakim hendaklah memerintahkan agar kaum kerabat suami memberi nafkah atas nama hutang kepada isteri berkenaan. Jika kerabat suami enggan memberi pinjaman, hakim boleh menahannya di dalam penjara sehingga dia bersedia untuk meminjamkan sejumlah nafkah yang diperlukan kepada isteri tersebut. Namun untuk memisahkan pasangan terbabit adalah tidak dibolehkan sama sekali (al-Marghinani, t.t; Ibn Hummam, t.t; al-Sarakhsi,t.t)

Ibn Hazm (t.t) dari mazhab Zahiri juga berpendapat bahawa fasakh kepada ikatan perkahwinan yang sah tidak dibenarkan atas apa sahaja alasan yang melibatkan harta dan nafkah seperti suami tidak memberi nafkah, pakaian atau tidak memberi mas kahwin kepada isterinya. Bahkan beliau memberikan satu pendapat yang berbeza iaitu sekiranya si suami seorang yang miskin dan tidak mampu menanggung isterinya mahupun dirinya sendiri sedangkan si isteri pula seorang yang kaya maka isterilah yang wajib dan perlu mengeluarkan belanja untuk dirinya dan juga untuk suaminya. Pendapat ini boleh dikatakan sebagai berlawanan dengan pendapat Jumhur fuqaha di mana beliau berpendapat apabila isteri seorang yang kaya, maka beban memberi nafkah boleh dipindahkan kepada si isteri, walaupun asalnya berada di tangan suami.

### **TEMPOH MASA MENUNGGU**

Fuqaha yang membenarkan fasakh atas alasan ini meletakkan satu tempoh tertentu sebagai syarat sebelum isteri dibenarkan menuntut fasakh. Menurut mazhab Syafie, tempoh

tersebut adalah selama tiga hari sahaja. Jika suami masih gagal menyempurnakannya pada hari keempat, maka pada pagi hari keempat tersebut, isteri dibenarkan membuat aduan kepada hakim. Jika suami gagal memberi nafkah selama dua hari berturut-turut tetapi telah memberinya pada hari ketiga, kemudian gagal menyempurnakannya semula pada hari keempat, maka hari keempat tadi dikira bersama dengan dua hari yang pertama. Maksudnya, isteri berhak untuk membuat aduan dan menuntut fasakh pada hari yang kelima (al-Sharbini, t.t).

Mazhab Maliki lebih tegas dalam hal ini. Menurut Ibn Rushd (t.t), terdapat tiga perbezaan pendapat di kalangan pengikut Imam Malik dalam menetapkan tempoh masa ini. Pendapat pertama mengatakan tidak ada batas waktu, bila suami gagal memberi nafkah pada waktu terkini, maka isteri berhak mengambil tindakan secara serta merta. Pendapat kedua mengatakan isteri perlu menunggu selama satu tahun manakala pendapat ketiga memberi masa yang lebih lama iaitu dua tahun selepas menunggu pemberian nafkah, barulah isteri dibenarkan membawa kesnya ke muka pengadilan. Ia turut disokong oleh Al-Dusuqi (t.t) yang menyebut bahawa isteri boleh mengambil tindakan apabila suami gagal memberi nafkah pada masa sekarang (*hadirah*) atau masa terkini ketika itu. Oleh itu jika suami tidak memberi nafkah yang diperlukan maka pada ketika itu juga isteri berhak mengambil tindakan tanpa perlu menunggu lagi. Sekiranya ada tunggakan nafkah yang tidak dibayar oleh pihak suami maka ia dianggap hutang yang wajib dibayar kemudian hari kepada isteri.

Terdapat juga perbahasan menyentuh kes suami hilang atau menghilangkan diri dan dikaitkan dengan urusan nafkah. Menurut Ibn Qudamah (t.t), mazhab Hanbali bersetuju bahawa isteri yang ditinggalkan suami berhak membawa kesnya ke hadapan hakim apabila tidak disediakan atau tidak dikirim sebarang nafkah oleh suaminya. Jika diketahui ke mana suaminya menghilang maka hakim hendaklah menghantar surat kepada suami tersebut dan mengarahkannya untuk menunaikan tanggungjawab nafkah dan menjaga kebajikan isterinya. Jika tidak diketahui tempatnya, maka haruslah hakim meluluskan fasakh atas permohonan isteri tersebut.

Al-Dusuqi (t.t) berpendapat bahawa di sisi Mazhab Maliki, isteri yang ditinggalkan sedangkan mereka mempunyai tanah untuk diusahakan bagi mendapatkan nafkah maka si isteri tidak boleh menuntut fasakh. Tetapi jika tidak ada sebarang tanah untuk diusahakan maka hakim boleh memisahkan pasangan tersebut kerana ditakuti akan berlakunya zina.

### **NAFKAH ISTERI MENURUT PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG ISLAM**

Selaras dengan hukum syarak, perundangan Islam negeri-negeri di Malaysia juga menetapkan kewajipan suami memberi nafkah kepada isterinya. Dalam kes tuntutan nafkah isteri, contohnya seksyen 60(1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 menyatakan bahawa mahkamah boleh memerintahkan seseorang lelaki untuk membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya. Seterusnya seksyen 60(2) menyatakan seorang isteri tidak berhak mendapatkan nafkah apabila dia nusyuz terhadap suaminya. Berkenaan kadar nafkah untuk isteri adalah bergantung kepada pendapatan dan kemampuan suami serta keperluan pihak isteri. Kegagalan pihak suami mematuhi perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Hakim Syarie boleh mengakibatkan tindakan undang-undang diambil terhadap suami melalui kaedah pemenjaraan, sitaan dan lelongan (Nur Izzaty Sapain & Ahmad Azam Mohd Shariff, 2019).

Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang Kali ke-46 telah memutuskan penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Penubuhan BSK adalah suatu alternatif kerajaan bagi menyelesaikan masalah berkaitan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah bagi setiap negeri. BSK terlibat secara langsung dalam memberi khidmat nasihat dan perundangan Syariah kepada pihak-pihak yang terlibat secara khusus berkaitan tuntutan nafkah. BSK juga berperanan melaksanakan tatacara penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman selepas suatu penghakiman atau perintah dibuat oleh Mahkamah Syariah. Di samping itu BSK juga berperanan melaksanakan tugas peguam Syarie dan Bailif dalam

pelaksanaan penghakiman dan penguatkuasaan perintah yang dibuat oleh Mahkamah Syariah berkaitan dengan nafkah (Nur Zulfah Md Abdul Salam & Nur Syazwani Mohd Khatib, 2020).

## KESIMPULAN

Urusan nafkah isteri adalah perkara penting yang dikupas dengan terperinci oleh para fuqaha. Imam Nawawi memperincikan pengertian nafkah yang meliputi aspek makanan, pakaian, tempat tinggal, perubatan, keperluan mandian serta penyediaan pembantu rumah bagi suami yang berkemampuan. Pemberian nafkah adalah salah satu tanggungjawab besar suami dalam perkahwinan, di mana kegagalan melaksanakannya membolehkan para isteri menuntut perceraian secara fasakh. Kaedah menuntut nafkah tersebut juga telah dibincangkan oleh para ulama dengan memperincikan langkah-langkah awal yang boleh dilakukan oleh pihak isteri jika suami gagal melaksanakan nafkahnya. Sekiranya suami berkemampuan untuk membayar nafkah tetapi hanya culas melaksanakannya, para isteri boleh menuntut terlebih dahulu nafkah yang tertunggak. Namun jika keadaan ekonomi suami menyebabkan beliau tidak mampu menafkahi isterinya, sama ada isteri telah mengetahui ataupun tidak tentang ketidakmampuan ekonomi suami sebelum berkahwin, isteri masih berhak menuntut membubarkan perkahwinan melalui fasakh. Perbincangan mengenai nafkah dalam Islam menunjukkan ajaran Islam sangat memelihara hak suami isteri agar pasangan suami dapat melaksanakan tanggungjawab dan pihak isteri menerima hak nafkahnya sepertimana yang telah disyariatkan. Pentadbiran perundangan Islam di Malaysia juga menjamin hak nafkah isteri melalui peruntukan undang-undang keluarga Islam negeri-negeri berkaitan hak isteri untuk menuntut nafkah tertunggak daripada suami mahupun bekas suaminya.

## RUJUKAN

### Buku

- Abu Zuhrah. 1957. *Al-Ahwal al-Syakhsiyyah*. Beirut: Dar al-'Arabi.
- al-Dusuqi. t.t. *Hashiyah al-Dusuqi*. Juz 11. Mesir: 'Isa al-Babi al-Halabi.
- al-Husayni, 'Abd al-Fattah Muhammad Abu. 1992. *Al-Islam wa al-Ushrah, Dirasah Muqaranah fi Daw'i al-Madhahib al-Fiqhiyyah*. Juz 2. Kaherah: Al-Farmawi. 1992.
- al-Marghinani, Abi al-Hasan 'Ali ibn Abi Bakr ibn 'Abd al-Jalil al-Rushdani. t.t. *al-Hidayah Sharh Bidayah al-Mubtadi'*. Juz 1. Mesir: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Muzani. 1993. *Mukhtasar al-Muzani 'ala al-Umm*. Jld. 9. Beirut: Dar al-Kutub.
- al-Sharbini, Syeikh Muhammad al-Khatib. t.t. *Mughni al-Muhtaj*. Juz. 3. Beirut: Dar al-Fikr,
- al-Zarqa, Mustafa Ahmad. 1998. *Al-Madkhal al-Fiqhi al-'Am*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Ibn 'Abidin. 1966. *Hashiyah Radd al-Mukhtar 'Ala al-Dur al-Mukhtar*. Mesir: Sharikah Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Ibn Hummam. 1970. *Sharh Fath al-Qadir*. Juz 4. Mesir: Sharikah Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Ibn Qudamah. 1989. *al-Mughni*, Jld 3. Kaherah: Hijr li al-Taba'ah wa al-Nashr wa al-Tauzi'ah wa al-I'lan.
- Ibn Qudamah. 1997. *Al-Mughni al-Muhtaj*. Juz. 11. Riyad: Dar Alim al-Kutub.
- Ibn Rushd. t.t. *Bidayah al-Mujtahid*, Juz 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Rawas Qala'ah dan Hamid Sadiq. 1985. *Qanayli, Mu'jam Lughah al-Fuqaha al-'Arabi*. Mesir: Dar al-Nafais.
- Nur Izzaty Sopian & Ahmad Azam Mohd Shariff. 2019. *Penguatkuasaan Perintah Nafkah di Mahkamah Syariah Selangor*. Dlm: Faridah Jalil & Muhamad Helmi Md Said (pnyt). Isu Kekeluargaan Islam dan Undang-undang Malaysia. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sayyid Sabiq. 1988. *Fiqh al-Sunnah*. Jld. 2. Beirut: Dar al-Kutub.
- Syeikh 'Ali Hasbullah. 1968. *Al-Furqah Baina al-Zawjayn*. Kaherah: Dar al-Ahad al-Jadid.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. 1994. *Al-Mufassal*. Juz 8. Beirut: Muassasah al-Risalah.



**Jurnal**

Nur Zulfah Md Abdul Salam & Nur Syazwani Mohd Khatib. 2020. *Isu Tunggakan Nafkah: Keperluan Penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK)*. *Journal Of Muwafaqat*, 3(1), 38-51.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*